

Segera selesaikan isu kad prabayar

PETALING JAYA - PKR mendesak Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Salleh Said Keruak dan Timbalan Menteri Kewangan Datuk Johari Abdul Ghani menyelesaikan isu cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang dikenakan ke atas kad tambah nilai prabayar.

Pengarah Biro Strategi PKR, Sim Tze Tzin berkata, sehingga sekarang, kerajaan masih belum kota janji bahawa kad tambah nilai prabayar tidak dikenakan GST.

“Kementerian Kewangan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia terdahulu gagal menyelesaikan masalah dan rakyat menaruh harapan agar menteri baharu boleh menyelesaikan masalah tersebut,” katanya dalam sidang media, semalam.

Menurutnya, sejak GST dilaksanakan, aduan yang terbanyak diterima ialah mengenai kad prabayar.

“Sungguhpun kad tambah nilai prabayar dengan harga lama, pengguna kini

dikenakan GST sebanyak enam peratus. Syarikat telco dijangka akan menerima untung tambahan sebanyak RM800 juta,” katanya.

Katanya, jika kerajaan dan syarikat telekomunikasi dapat mencapai kata sepakat menerusi rundingan tersebut, ia akan membantu menyelesaikan masalah rakyat.

“Usaha sebegini lebih dihargai daripada rancangan mengetatkan kawalan terhadap penggunaan media sosial,” katanya.